

HUBUNGAN ANTARA LOKASI SEKOLAH RENDAH DAN PENGALAMAN MENGAJAR GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DENGAN AMALAN PENGAJARAN MEREKA

(The Relationship between School Location and Malay Language Teachers' Teaching Experiences with Their Teaching Practices)

NOR HADIBAH HUSHAINI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
ant1diba@gmail.com

ZULKIFLI OSMAN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
zulkifli@fbk.upsi.edu.my

ANIDA SARUDIN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
anida@fbk.upsi.edu.my

HUSNA FAREDZA MOHAMED REDZWAN

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
husna.faredza@fbk.upsi.edu.my

DYAH WERDININGSIH

Fakulti Pendidikan dan Latihan Perguruan
Universitas Islam Malang, Indonesia
dyah.werdiningsih@unisma.ac.id

Diterima pada:

12 Oktober 2020

Diterbit pada:

15 November 2020

Koresponden:

zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Abstrak: Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) merupakan amalan pengajaran guru yang memberi penekanan terhadap pengajaran berpusatkan murid. Kajian ini penting dijalankan kerana selaras dengan kehendak Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah KPM. Namun, kajian terhadap ATP guru, khususnya guru Bahasa Melayu kurang dilaksanakan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengkaji hubungan antara ATP guru Bahasa Melayu dengan lokasi sekolah dan pengalaman guru. Bagi memperoleh data, kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan 160 guru Bahasa Melayu yang dipilih melalui teknik persampelan rawak berstrata berkadar. Soal selidik digunakan bagi mengkaji hubungan antara lokasi sekolah dan pengalaman guru dengan ATP guru Bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan keempat-empat prinsip ATP kecuali ATP berpusatkan murid berasaskan Pendekatan Autentik pada aras signifikan 0.01. Dapatan juga mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar guru dengan keempat-empat ATP berpusatkan murid kecuali Pendekatan Holistik pada aras signifikan 0.01. Kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan ATP dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah tidak berhubung dengan secara langsung dengan lokasi sekolah dan pengalaman mengajar guru, kecuali dua jenis pendekatan sahaja, iaitu Pendekatan Autentik dan Pendekatan Holistik. Kajian ini menunjukkan bahawa ATP tidak dipengaruhi oleh lokasi dan pengalaman guru.

Kata Kunci: Amalan terbaik pengajaran, pengajaran berpusatkan murid, pendekatan autentik; pendekatan holistik.

Abstract: Best teaching practices (BTP) are the teaching practices employed by teachers that focus on student-centered teaching. This study was carried out in line with the requirements prescribed by the Primary School Curriculum Standard Document, which was rolled out by Malaysia's Ministry of Education in 2010. However, studies on teachers' BTP have, thus far, been seriously lacking, especially among Malay Language teachers. The aim of this study was to examine the relationships between Malay Language teachers' BTP and their school locations and teaching experiences. For the purpose of collecting data, this study used a survey method involving 160 Malay Language teachers, who were selected through the proportionately stratified random sampling technique. A survey questionnaire was used to examine the relationships between school location and teaching experience with Malay Language teachers' BTP. The research findings showed that the relationships between school locations and the four BTP principles were not significant (at the significance level of 0.01), except for the student-centered BTP based on the authentic teaching approach. Likewise, the same findings showed that the relationships between teachers' teaching experiences and the four student-centered BTP principles were not significant (at the significance level of 0.01), except for the student-centered BTP based on the holistic teaching approach. The research findings showed that the implementation of BTP among Primary School Malay Language teachers did not have significant relationships with their school locations and teaching experiences, except for two teaching approaches, namely the authentic and holistic teaching approaches. This study suggests that teachers' best teaching practices are not influenced by their school locations and teaching experiences.

Keywords: authentic teaching, best teaching practices, holistic teaching, schools' locations, teachers' teaching experiences, student-centric teaching.

PENGENALAN

Apakah perasaan pengamal jika para *patient* tidak melakukan perkara yang pengamal tahu baik untuk *patient* mereka? Sudah pasti pengamal kecewa apabila *patient* mereka tidak mengikuti apa-apa yang diminta oleh pengamal seperti menjaga kesihatan dan mengambil ubat dengan teratur, sedangkan perkara berkenaan baik untuk *patient* tersebut (Covan 2016). Hal ini menunjukkan bahawa pengamal ialah individu yang tahu tentang tindakannya, yang pasti mengikut standard prosedur tertentu demi kebaikan pesakitnya. Begitulah juga dalam konteks pendidikan, pengamal merujuk kepada pendidik yang merancang sesuatu berdasarkan standard prosedur tertentu, demi kebaikan murid-murid. Menurut Zemelman et al. (2012), amalan terbaik pengajaran (ATP) bermaksud satu set piawaian terbaik dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bermanfaat untuk murid. Set piawaian ini mestilah mengikut peredaran semasa dan terkini mengikut kehendak kurikulum semasa dan merupakan piawai bagi mengukur amalan terbaik alam satu-satu proses pengajaran di bilik darjah (Zemelman et al. 2012). Dalam hal ini, Zemelman et al. (2012) menggariskan bahawa ATP ialah satu proses pengajaran yang terbaik yang dilaksanakan oleh guru dengan mengambil kira tiga prinsip utama, iaitu pengajaran berpusatkan murid, kognitif dan sosial. Dalam kajian ini, pengkaji meninjau tahap ATP Bahasa Melayu dalam kalangan guru khususnya pengajaran berpusatkan murid sahaja.

Kurikulum Standard Bahasa Melayu Sekolah Rendah melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (KPM 2010) menegaskan bahawa ATP yang diamalkan guru merupakan wahana untuk murid memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya murid ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa kebangsaan. Dalam konteks PdP, amalan pengajaran guru dianggap berjaya apabila guru tersebut mampu mengubah suai teknik pengajaran, menggunakan media pengajaran yang menarik serta menguasai topik dengan baik (Wan Nurzuliana 2019). Nor Asniza et al. (2013) pula mendefinisikan bahawa tingkah laku atau tindakan guru di bilik darjah serta faktor-faktor yang boleh mempengaruhinya seperti pengalaman mengajar, subjek yang diajar, jantina dan kumpulan etnik adalah ciri-ciri ATP. Zetty

Nurzuliana et al. (2015) juga mentakrifkan bahawa ATP sebagai amalan pengajaran guru yang melibatkan proses pengajaran, kaedah dan amalan guru.


Tidak dapat dinafikan, selain kemahiran berbahasa dalam kalangan guru dalam proses menyampaikan isi kandungan pelajaran (Husna Faredza et al. 2020, 2018), ATP juga merupakan elemen penting yang berupaya meninggikan penguasaan bahasa murid. Banyak kajian (lihat Abdul Rasid et al. 2013; Mohamad Marzuqi et al. 2018; Anida et al. 2019b) menunjukkan bahawa ATP Bahasa Melayu dapat meningkatkan penguasaan bahasa murid seara signifikan. Namun, kajian lalu mendapati guru-guru Bahasa Melayu masih kurang mengamalkan ATP di bilik darjah. Kajian-kajian terdahulu (lihat Abdul Rasid 2011; Khoo Yin Yin (2008) menunjukkan bahawa ramai guru masih menggunakan pendekatan autokratik, tegas dan mengongkong pemikiran murid. Malah kajian Nor Sakinah (2019), Zulkifli et al. (2019a, 2019b) mendapati bahawa amalan pengajaran guru masih berorientasikan peperiksaan. Kajian ATP ini juga wajar dilaksanakan kerana kebanyakan kajian dalam bidang ini lebih tertumpu di sekolah menengah sahaja (misalnya kajian Shahril @ Charil 2014; Rozita Radhiah & Abdul Rasid 2012).

Berdasarkan perbincangan di atas, hubungan antara ATP guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah dan pengalaman guru berdasarkan keempat-empat pendekatan PBM, iaitu pengajaran berdasarkan pengalaman (PBP), pengajaran secara holistik (PA), pengajaran secara autentik (PA) dan pengajaran berasaskan cabaran (PBC) perlu dijalankan.

MODEL AMALAN TERBAIK PENGAJARAN MODEL ZEMELMAN ET AL.

Model pengajaran berkesan Zemelman et al. (2012) berpegang kepada tiga prinsip utama, iaitu pengajaran berpusatkan murid, kognitif dan sosial. Pengajaran berpusatkan murid (PBM) melibatkan aspek pengalaman murid, holistik, autentik dan cabaran. Pengajaran berpusatkan kognitif (PBK) pula melibatkan aspek perkembangan mental, reflektif, ekspresif, dan konstruktif, manakala pengajaran berpusatkan sosial (PBS) pula menitikberatkan aspek kolaboratif dan demokratik

(lihat Rajah 1). Namun, kajian ini akan memberi fokus kepada PBM sahaja.



RAJAH 1. Prinsip amalan terbaik pengajaran guru (Sumber: Zemelman et al., 2012)

Pengajaran Berpusatkan Murid (PBM) merupakan pendekatan yang menggalakkan penglibatan aktif murid di bilik darjah dan guru berperanan sebagai fasilitator. Bagi memastikan pendekatan ini dilaksanakan, guru mesti mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif. Dalam hal ini, Zemelman et al. (2012) mengetengahkan empat PBM, iaitu pengajaran berasaskan pengalaman murid, pengajaran yang holistik, pengajaran yang autentik dan pengajaran berasaskan cabaran.

Amalan pengajaran berdasarkan PBM merupakan amalan pengajaran utama yang memberi tumpuan terhadap penglibatan murid dalam pembelajaran secara bebas dan menurut pemahaman mereka sendiri bagi menjana strategi masing-masing dalam usaha menyelesaikan tugas yang mencabar secara kognitif (Slavich & Zimbardo 2012; Talbert et al. 2018) berdasarkan sudut pandangan mereka sendiri (Goldschmidt et al. 2015). Pendekatan PBM juga bermatlamatkan perubahan corak pemikiran murid daripada sebagai 'penyewa' kepada 'pemilik'. Di dalam bilik darjah yang dimiliki oleh penyewa, yuran dibayar dan pengurusan dilakukan oleh pihak lain. Di dalam bilik darjah yang dimiliki oleh pemilik pula, murid terpaksa menyedari bahawa menjadi tanggungjawab mereka untuk melibatkan diri, menyerap, dan mengekalkan suasana pembelajaran yang positif (Rayens & Ellis 2018). Namun demikian, PBM tidak mudah dilaksanakan. Yun You (2018) menyatakan bahawa PBM secara retoriknya telah diterima

tetapi sukar dilaksanakan jika tidak disertai perancangan dan kemahiran untuk melaksanakannya.

Woodard dan McGowan (2012) mencadangkan beberapa langkah bagi memastikan PBM dapat dilaksanakan dengan baik. Antara cadangannya ialah menekankan literasi dan pembangunan berfikir secara statistik, menggunakan data sebenar, menekankan pemahaman konseptual berbanding pengetahuan prosedur semata-mata, memupuk pembelajaran aktif di dalam bilik darjah, menggunakan teknologi bagi membangunkan pemahaman konseptual dan penganalisan data, dan menggunakan pentaksiran bagi memperbaiki dan menilai pembelajaran murid. PBM wajar dilaksanakan kerana banyak kajian (lihat Alizah & Zamri 2016; Nor Hadibah et al. 2020) mendapati pendekatan ini mampu menjadi pemangkin kepada peningkatan kemahiran insaniah murid, seperti kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi dan sosial, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja. Namun begitu, kajian Talbert et al. (2018) mendapati PBM tidak memberi kesan yang positif dalam konteks kesatuan sesama murid.

Dari segi meningkatkan pengetahuan, pengajaran berpusatkan guru lebih berkesan berbanding PBM, manakala dari segi pengisian kognitif pula, PBM secara signifikannya adalah lebih tinggi. Walaupun demikian, peluang yang lebih kepada murid untuk memberi pandangan mereka sendiri tersedia luas melalui PBM (Goldschmidt et al. 2015). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan kajian lanjut meliputi aspek ini adalah wajar.

Dalam konteks negara ini, PBM sangat diberi penekanan dalam proses PdP, khususnya pengajaran Bahasa Melayu. Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah (KPM 2010) menyarankan agar guru mengamalkan PBM, menggunakan pelbagai teknik dan sumber pengajaran, malah guru juga digalakkan kreatif ketika merancang dan melaksanakan pengajaran. Bagi melaksanakan PBM, Zemelman et al. (2012) mencadangkan beberapa pendekatan, iaitu PBP, PH, PA dan PBC. Dalam konteks kajian ini, PBP diselaraskan dengan Pendekatan Pengalaman Berbahasa (PPB).

PENDEKATAN PENGALAMAN BERBAHASA

Pendekatan Pengalaman Berbahasa (*The language experience approach-LEA*) ialah pendekatan bahasa secara menyeluru yang memberi penekanan terhadap kemahiran membaca dan menulis (Taylor 2000). Pendekatan yang dipelopori oleh Ashton-Warner (1963) ini asalnya melibatkan bahasa pertuturan Maori. Devita Vuri (2016) pula mengatakan bahawa pendekatan pengalaman berbahasa (PBB) adalah metod pengajaran penguasaan ketrampilan berbahasa yang menggabungkan pembelajaran bertutur dengan pengalaman bahasa kanak-kanak yang meliputi mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Tompkins and Hoskisson (1991) menyatakan bahawa PBB boleh dikembangkan melalui gabungan aktiviti dan pengalaman kanak-kanak. PBB boleh dijalankan melalui tahap-tahap yang berikut, iaitu memberikan pengalaman, berbual tentang pengalaman, merakam atau mencatat pengalaman, membaca kembali teks yang ditulis oleh murid, dan menyebarkan teks tersebut atau pengalaman tersebut (Devita Vuri 2016). Pelbagai kemahiran bahasa boleh diterapkan dalam aktiviti pengalaman berbahasa ini.

Pendekatan Holistik

Pendekatan holistik (PA) ini menekankan bahawa proses belajar murid akan lebih baik jika mereka berupaya memahami idea keseluruhan daripada kandungan pelajaran dalam konteks yang penuh makna, bukan dengan mempelajari sesuatu secara berasingan. Sebagai guru harus bijak menggambarkan sesuatu kandungan pelajaran secara menyeluruh. Zulkifli (2013) menjelaskan bahawa pendekatan ini menekankan pengajaran bahasa secara menyeluruh. Dalam hal ni, Miler (2010) berpendapat bahawa pendekatan PA ini merupakan pendekatan yang menggalakkan murid belajar melalui hubungannya dengan masyarakat, lingkungan alam, dan nilai-nilai spiritual secara langsung.

Pendekatan Autentik

Pendekatan autentik (PA) merupakan proses pembelajaran yang mewujudkan persekitaran

pembelajaran dunia nyata (Herrington & Herrington 2007). PA ialah proses pembelajaran yang memerlukan penggunaan deria guru untuk mewujudkan pembelajaran yang bermakna Zemelman et al. (2005). Herrington dan Herrington (2007), dan Muijs dan Renolds (2011) menjelaskan bahawa PA boleh menarik minat murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran.

Dalam konteks PdP bahasa, penerapan unsur-unsur autentik dapat menambah baik prestasi murid (Ghanbari 2015; Hussain Raja 2015; Zulkifli 2016, Zulkifli 2019a, 2019b). Dalam pembelajaran bahasa juga penerapan elemen autentik juga mampu meningkatkan pencapaian dan kreativiti seperti yang ditunjukkan dalam kajian oleh Hazrati et al. (2013). Mereka berpendapat bahawa unsur-unsur tersebut dapat membentuk iklim pembelajaran yang sebenar dan membolehkan murid mengalami pembelajaran yang bermakna. Melalui prinsip belajar secara praktis '*learning by doing*' dan pembelajaran kontekstual, proses pembelajaran murid menjadi lebih bermakna, sehingga mampu mengukuhkan pemahaman dan pengetahuan mereka mengenai suatu pengetahuan dan konsep dari masa ke masa.

Pendekatan Berasaskan Cabaran

Pendekatan berasaskan cabaran (PBC) merupakan sebahagian daripada berpusatkan murid (Wahida 2011). Pendekatan PBC ini berprinsip bahawa sesi pengajaran guru hendaklah dimulakan dengan masalah yang mencabar minda murid. Dengan cara ini, murid berpeluang mengalami proses pembelajaran melalui aktiviti atau penyelesaian masalah secara sendiri (Nor Hadibah et al. 2020). Pendekatan ini juga tidak menekankan terhadap konsep 'betul atau salah' dalam satu-satu proses PdP. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (KPM 2010) menggariskan bahawa aktiviti dan proses pembelajaran yang mencabar minda murid sangat diberi penekanan.

HUBUNGAN ANTARA AMALAN TERBAIK PENGAJARAN DENGAN LOKASI SEKOLAH

Lokasi sekolah boleh dibahagi kepada beberapa kelompok. Menurut Surat Pekeliling Perkhidmatan

Kementerian Pendidikan Malaysia (2014), lokasi sekolah dibahagi kepada kawasan luar bandar, bandar dan bandar metropolitan. Dalam konteks di Malaysia, lokasi sekolah dibahagi kepada dua kawasan, iaitu bandar dan luar bandar. Dalam konteks beberapa negeri seperti di Sabah dan Sarawak terdapat pula lokasi sekolah *remote* (pedalaman). Lokasi luar bandar merupakan lokasi yang masih boleh dihubungi melalui jalan perhubungan normal, manakala lokasi sekolah *remote* merujuk kepada daerah yang sukar dihubungi. Merujuk pekeliling ini lagi, terdapat 832 buah sekolah yang terletak dalam lokasi *remote* di Malaysia yang majoritinya terletak di Sabah dan Sarawak (lihat Jadual 1).

JADUAL 1. Bilangan sekolah pedalaman mengikut negeri di Malaysia

Negeri	Jenis Sekolah Pedalaman			Jumlah
	Pedalaman 1	Pedalaman 2	Pedalaman 3	
Perak	7	8	0	15
Pahang	5	3	9	17
Kelantan	9	3	2	14
Johor	3	4	2	9
Terengganu	1	1	0	2
Sabah	198	67	107	372
Sarawak	179	56	168	403
Jumlah	402	142	288	832

Sumber: Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM (2014)

Kajian ini turut membincangkan hubungan antara lokasi sekolah dengan amalan pengajaran guru dan prestasi akademik murid. Kajian Masitah et al. (2011) dan Abdul Rasid (2011) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan amalan pengajaran guru. Kajian Norazlinda dan Sankaran (2012) dan Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) juga mendapati dapatan yang sama, malah mereka turut mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara variabel efikasi sendiri dan kelebihan relatif dengan tahap penerimaan berdasarkan lokasi sekolah.

Dalam konteks di luar negara pula, kajian terhadap hubungan antara kedudukan sekolah dengan pencapaian murid juga dikaji. Kajian Titus et al. (2016) dan Nalova (2017) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kedudukan sekolah dengan pencapaian murid. Malah, Fredrick (2011) dan Iwaniec (2018) mendapati bahawa kedudukan sekolah berperanan sebagai faktor utama dalam meningkatkan

pencapaian murid dalam mata pelajaran tertentu. Namun, dalam konteks di China, You dan Dörnyei (2016) pula mendapati bahawa lokasi sekolah tidak mempengaruhi minat murid secara signifikan. Oleh sebab itu, kajian ini turut meninjau sejauh mana lokasi sekolah memainkan peranan penting terhadap ATP guru.

Hubungan Amalan Terbaik Pengajaran dengan Pengalaman Guru

Bahagian ini meninjau hubungan antara ATP dengan pengalaman guru dan kesannya terhadap prestasi murid. Kajian-kajian tempatan (Masitah et al. 2011; Mohd Khairuddin & Halimah 2015; Awanis et al. 2016) mendapati bahawa guru yang berpengalaman lebih berefikasi (berkeyakinan) berbanding guru yang baru berkhidmat. Hal ini memperlihatkan bahawa pengalaman guru merupakan faktor penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu.

Dalam konteks hubungan antara pengalaman guru dengan kemahiran berbahasa murid pula, banyak kajian mendapati bahawa pengalaman guru memainkan peranan yang penting terhadap pencapaian murid. Kajian Myrberg et al. (2018) mendapati prestasi kemahiran membaca murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengkhususan guru. Hal ini memperlihatkan bahawa pengalaman guru mempengaruhi tahap efikasi guru dan juga prestasi murid dalam kemahiran berbahasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Meninjau hubungan antara pelaksanaan ATP guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan PBM, iaitu PPB, PH, PA dan PBC.
2. Mmeninjau hubungan antara pelaksanaan ATP guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan pengalaman guru berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan PBM, iaitu Pendekatan PBM, iaitu PPB, PH, PA dan PBC.

HIPOTESIS KAJIAN


Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

1. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengamalan ATP guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan, iaitu PBM, iaitu PPB, PH, PA dan PBC.
2. Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengamalan ATP guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan tempoh pengalaman guru mengajar berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan, iaitu PBM, iaitu PPB, PH, PA dan PBC.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan ini dijalankan bagi menyiasat hubungan antara pelaksanaan ATP oleh guru Bahasa Melayu di sekolah rendah berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan PBM, iaitu Pendekatan Pengalaman Berbahasa (PPB), Pendekatan Holistik (PH), Pendekatan Autentik (PA) dan Pendekatan Berasaskan Cabaran (PBC) dengan lokasi sekolah dan pengalaman mengajar guru. Dalam kajian ini, tahap pelaksanaan ATP guru Bahasa Melayu merupakan pemboleh ubah tidak bersandar, manakala lokasi dan pengalaman guru ialah pemboleh ubah bersandar. Jenis pendekatan PBM murid, iaitu PPB, PH, PA dan PBC pula merupakan mediator bagi kedua-dua pemboleh ubah kajian ini (lihat Rajah 2).



RAJAH 2. Pemboleh ubah bersandar, bebas dan mediator dalam kajian hubungan antara ATP dengan lokasi sekolah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah

Populasi dan Samperl Kajian

Populasi kajian terdiri daripada 111 buah sekolah rendah dalam daerah daerah Larut, Matang dan Selama, Perak. Daripada 111 buah sekolah tersebut, 160 guru daripada 80 buah sekolah dilibatkan sebagai responden kajian. Bilangan responden yang terlibat mewakili 70 peratus guru-guru Bahasa Melayu Tahun Lima di daerah yang dipilih ini. Guru-guru yang terlibat mewakili taburan sekolah yang seimbang, iaitu sekolah luar bandar dan bandar.

Teknik persampelan rawak berstrata berkadar digunakan bagi mengatasi isu pemilihan responden daripada populasi yang mempunyai bilangan yang tidak sama dan ciri-ciri responden yang berbeza (Fraenkel & Wallen, 2006). Malah teknik ini digunakan bagi mengatasi populasi yang tidak memiliki ciri-ciri yang seimbang (Creswell, 2005). Sebelum responden kajian dipilih, pengkaji telah menetapkan prosedur, masa pentadbiran dan teknik kutipan data dan prosedur soal selidik dipatuhi dengan menerangkan pentadbiran soal selidik bagi mengelakkan berlakunya bias persampelan. Jika responden tidak mengembalikan soal selidik, surat pemberitahuan akan dihantar sebagai ingatan.

Instrumen Kajian

Bagi mengumpulkan data kajian, soal selidik digunakan sebagai instrumen. Soal selidik mengandungi dua bahagian, iaitu maklumat latar belakang guru dan soal selidik ATP berpusatkan murid dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah rendah. Soal selidik Pengajaran Berkesan Model Slavin (Shahril @ Charil, 2004) dengan pengubahsuaian dan penambahan konstruk metafizik menjadi asas kepada soal selidik kajian ini. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 4 tahap (4=Sangat Selalu, 3=Selalu, 2=Jarang-Jarang, 1=Tiada Langsung). Bagi mendapatkan kesahan muka dan kesahan kandungan, soal selidik ini dinilai oleh enam orang pakar. Mereka adalah terdiri daripada pensyarah universiti, pegawai pendidikan Daerah Larut Matang Selama, dan guru cemerlang.

Bagi mendapatkan indeks kebolehppercayaan pula, soal selidik ini telah dirintis ke atas 15 orang guru sekolah rendah di sekitar negeri Kedah. Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa nilai alfa Cronbach bagi setiap konstruk adalah antara

julat indeks 0.877 hingga 0.885. Menurut Mohd Majid (1990), Sekaran (1992), dan McMillan dan Schumacher (2006), nilai ini adalah tinggi dan boleh diterima.

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis berpandukan soalan dan hipotesis kajian. Bagi menganalisis data, statistik deskriptif dan statistik inferensi Korelasi Pearson digunakan. Data dianalisis menggunakan program 'Statistical Package for the Social Science' (SPSS) versi 23.00. Statistik deskriptif seperti frekuensi, kekerapan, sisihan piawai dan min digunakan untuk menganalisis data latar belakang murid dan tahap ATP guru Bahasa Melayu di bilik darjah. Dalam kajian ini, tafsiran statistik deskriptif Nurfadzlina dan Mohammed (2012) digunakan bagi mentafsir nilai min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Tafsiran tahap ATP guru Bahasa Melayu berdasarkan nilai min

Nilai min	Interpretasi 1	Interpretasi 2
3.00 – 4.00	Tinggi	Positif
2.00 – 2.99	Sederhana	Sederhana
1.00 – 1.99	Rendah	Negatif

Sebelum ujian tersebut dapat dijalankan, ujian normaliti perlu dilakukan (Pallant 2001; Coakes 2005) bagi melihat kenormalan taburan. Ujian ini dilakukan dengan melihat statistik pencongan (*skewness*) dan kurtosis (*kurtosis*). Berdasarkan Jadual 3, statistik deskriptif *Skewness* mentafsirkan taburan data kajian adalah di antara -0.890 hingga 1.027 dan data analisis *Kurtosis* pula di antara -1.355 hingga 1.241. Nilai kepencongan *Skewness* dan *Kurtosis* digunakan bagi kenormalan taburan data. Nilai kepencongan dan kurtosis perlu berada dalam julat di antara -2 dengan +2 dalam mematuhi andaian kenormalan taburan data (Ananda 2007). Dapatan mendapati, data bagi kajian ini adalah bertaburan normal seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3: Taburan normaliti data kajian

Statistik Deskriptif	Taburan Data
Skewness	-0.890 hingga 1.027
Kurtosis	-2.028 hingga 1.241

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut jantina, umur, lokasi, pengalaman mengajar, dan kelulusan akademik guru. Daripada 160 orang responden, 36 daripada mereka adalah guru lelaki (45%), manakala 44 orang lagi merupakan guru perempuan (55 %). Dari aspek umur pula, majoriti responden berumur antara 36 hingga 45 tahun (30 %), manakala responden berumur 46 tahun ke atas (21.3 %) merupakan golongan yang paling sedikit, namun taburan responden mengikut umur masih seimbang.

Dari aspek lokasi kajian pula, 40 responden (50%) mewakili masing-masing luar bandar dan bandar. Begitu juga dengan bilangan responden berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 50% responden berpengalaman mengajar lebih daripada lima tahun, manakala 50% lagi berpengalaman mengajar kurang dari lima tahun. Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti guru (82.5 %) memiliki kelulusan akademik peringkat ijazah sarjana, diikuti dengan kelulusan-kelulusan lain seperti Diploma dan Sarjana/ Kedoktoran (masing-masing 6.3%), dan sijil (5%).

JADUAL 4: Taburan responden mengikut jantina, umur, lokasi, pengalaman mengajar, kelulusan akademik guru

Butiran Responden	Kekerapan (orang)	Peratus (%)
Jantina		
• Lelaki	36	45.0
• Perempuan	44	55.0
Umur		
• 21-25 Tahun	42	26.3
• 26-35 Tahun	36	22.3
• 36-45 Tahun	48	30.0
• 46 Tahun Ke atas	34	21.3
Lokasi		
• Bandar	80	50.0
• Luar Bandar	80	50.0
Pengalaman Mengajar		
• Kurang 5 tahun	80	50.0
• Lebih 5 tahun	80	50.0
Kelulusan Akademik		
• Sijil Perguruan	8	5.0
• Diploma Perguruan	10	6.3
• Ijazah Sarjana Muda	132	82.5
• Sarjana dan Ph.D.	10	6.3
Jumlah	160	100.0

Hubungan antara Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Berpusatkan Murid Bahasa Melayu Sekolah Rendah dengan Lokasi Sekolah

Dapatan kajian ini memaparkan hubungan hubungannya antara pelaksanaan ATP berpusatkan murid dengan lokasi sekolah bagi menjawab hipotesis kajian yang pertama, iaitu “*tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengamalan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan pengajaran berpusatkan murid*”. Bagi mengkaji sama ada terdapat hubungan antara lokasi sekolah dengan empat prinsip ATP, iaitu PPB, PH, PA dan PBC, ujian Korelasi Pearson, r , dijalankan.

Dalam kajian ini, ujian kolerasi Rank-Biserial digunakan kerana satu pemboleh ubah diukur dalam skala nominal, manakala satu lagi pemboleh ubah dalam skala ordinal (Piaw, 2006). Ujian Rank-Biserial ialah salah satu ujian perlu dijalankan melalui ujian Pearson (*NCSS Statistical Software*). Menurut Ahmad (2014), untuk mentafsir jadual ujian Korelasi Pearson, r , perlu dilihat pada tahap signifikan pada pekali kolerasi, sama ada positif atau negatif. Kolerasi positif memberi tafsiran bahawa terdapat hubungan terus antara pemboleh ubah, manakala pekali kolerasi negatif memberi tafsiran bahawa tidak terdapat hubungan antara pemboleh ubah.

JADUAL 5: Hubungan antara lokasi sekolah dengan ATP berpusatkan murid, iaitu PPB, PH, PA dan PBC

		Correlations				
		Lokasi Sekolah Guru	PPB	PH	PA	PBC
Lokasi Sekolah Guru	Pearson Correlation	1	-.122	-.087	.003*	-.139
	Sig. (2-tailed)		.281	.445	.981	.220
	N	160	160	160	160	160

*. Correlation is significant at the .05 level (2-tailed).

Jadual 5 menunjukkan analisis ujian korelasi Pearson untuk menilai hubungan antara prinsip ATP berpusatkan murid berlandaskan keempat-empat prinsip tersebut. Keputusan ujian kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusatkan murid

berasaskan PPB dengan lokasi sekolah responden adalah negatif dan diklasifikasikan sebagai sangat lemah. Dapatan mendapati hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tidak signifikan ($r = -0.122$, $n = 160$, $p = 0.281$, $p < 0.01$). Keputusan ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berasaskan PPB dengan lokasi sekolah.

Keputusan ujian juga menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PH dengan lokasi sekolah responden adalah negatif dan diklasifikasikan sebagai sangat lemah. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut tidak signifikan ($r = -0.087$, $n = 160$, $p = 0.445$, $p < 0.01$). Dapatan ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PH dengan lokasi sekolah.

Keputusan ujian Kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PA dengan lokasi sekolah adalah positif dan diklasifikasikan sebagai hubungan positif sangat lemah. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut signifikan ($r = 0.003$, $n = 160$, $p = 0.981$, $p < 0.01$). Dapatan ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PA dengan lokasi sekolah.

Keputusan ujian kolerasi Pearson turut memperlihatkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PBC dengan lokasi sekolah adalah negatif dan diklasifikasikan sebagai sangat lemah. Hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut tidak signifikan ($r = -0.139$, $n = 160$, $p = 0.220$, $p < 0.01$). Dapatan ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PBC lokasi sekolah.

Kesimpulannya, dapatan kajian mendapati 3 daripada 4 keputusan ujian yang dijalankan menerima hipotesis nol. Hanya satu sahaja dapatan yang menolak hipotesis nol, iaitu ujian kolerasi Pearson yang dijalankan untuk melihat hubungan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PA dengan lokasi sekolah. Hal ini menunjukkan bahawa prinsip ATP berpusatkan murid berdasarkan PA berhubung secara signifikan dengan lokasi sekolah.

Hubungan antara Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Berpusatkan Murid Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dengan Tempoh Pengalaman Mengajar Guru

Dapatan ini menjawab hipotesis kajian yang kedua, iaitu “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap ATP Bahasa Melayu di sekolah rendah dengan tempoh pengalaman mengajar guru”. Ujian Korelasi Pearson, r , telah diuji bagi mengkaji sama ada terdapat hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan empat prinsip ATP berpusatkan murid, iaitu iaitu PPB, PH, PA dan PBC. Jadual 6 menunjukkan analisis ujian korelasi Pearson bagi mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid dengan keempat-empat pendekatan tersebut.

JADUAL 6: Hubungan antara tempoh pengalaman guru mengajar dengan ATP berpusatkan murid, iaitu iaitu PPB, PH, PA dan PBC

	Correlations					
		Lokasi Sekolah Guru	PPB	PH	PA	PBC
Lokasi Sekolah Guru	Pearson Correlation	1	-.130	.080	-.188	-.309**
	Sig. (2-tailed)		.252	.479	.095	.005
	N	160	160	160	160	160

*. Correlation is significant at the .05 level (2-tailed).

Keputusan ujian kolerasi Pearson menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PPB dengan pengalaman mengajar guru adalah negatif dan diklasifikasikan sebagai sangat lemah. Hubungan antara kedua dua pemboleh ubah tersebut tidak signifikan ($r = -0.130$, $n = 160$, $p = 0.252$, $p < 0.01$). Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PPB dengan tempoh pengalaman mengajar guru.

Keputusan ujian kolerasi Pearson juga menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusat murid berasaskan PH dengan tempoh pengalaman guru mengajar adalah positif dan diklasifikasikan sebagai hubungan positif sangat lemah. Hubungan antara kedua dua pemboleh ubah tersebut adalah signifikan ($r = 0.080$, $n = 160$, $p = 0.479$, $p < 0.01$). Ini bermakna

terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PH dengan tempoh pengalaman mengajar guru.

Keputusan ujian kolerasi Pearson turut menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PA dengan pengalaman mengajar guru adalah negatif dan diklasifikasikan sebagai hubungan negatif sangat lemah. Hubungan antara kedua dua pemboleh ubah tersebut tidak signifikan ($r = -0.188$, $n = 160$, $p = 0.981$, $p < 0.01$). Hal ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PA dengan pengalaman mengajar guru.

Jadual 6 juga menunjukkan bahawa nilai kolerasi antara skor min prinsip ATP berpusat murid berasaskan PBC dengan pengalaman mengajar guru adalah negatif dan diklasifikasikan sebagai hubungan negatif lemah. Hubungan antara kedua dua pemboleh ubah tersebut tidak signifikan ($r = -0.309$, $n = 160$, $p = 0.005$, $p < 0.01$). Hal ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PCB dengan tempoh pengalaman mengajar guru.

Kesimpulannya, hasil daripada kesemua ujian yang dijalankan untuk melihat hubungan antara pelaksanaan ATP Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah, didapati 3 daripada 4 keputusan ujian yang dijalankan menerima hipotesis nol. Hanya satu sahaja dapatan yang menolak hipotesis nol, iaitu ujian kolerasi Pearson yang dijalankan untuk melihat hubungan antara prinsip ATP berpusatkan murid berasaskan PH dengan tempoh pengalaman mengajar guru.

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hubungan antara Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah dengan Lokasi Sekolah

Bahagian ini membincangkan hubungan antara tahap pelaksanaan ATP berpusatkan murid berasaskan keempat-empat jenis pengajaran berpusat murid, iaitu PPB, PH, PA dan PBC dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan lokasi sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ATP berpusatkan murid dalam kalangan guru Bahasa Melayu dengan

lokasi sekolah berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan pengajaran, kecuali Pendekatan Autentik. Hal ini menunjukkan bahawa PA yang diamalkan guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan lokasi sekolah.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian-kajian tempatan terdahulu (seperti Masitah et al. 2011; Abdul Rasid 2011; Norazlinda & Sankaran 2012; Siti Fatimah & Ab. Halim 2010) yang turut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan amalan pengajaran guru. Malah, kajian di luar negara juga (seperti kajian Titus et al. 2016; Nalova 2017; Fredrick 2011; Iwaniec 2018) turut menemui dapatan yang sama. Namun, kajian You dan Dörnyei (2016) menemui dapatan sebaliknya, iaitu lokasi sekolah tidak mempengaruhi proses pembelajaran murid secara signifikan. Dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa lokasi sekolah tidak mempengaruhi secara sepenuhnya ATP guru berdasarkan jenis PBM.

Hubungan antara Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah dengan Tempoh Pengalaman Guru Mengajar

Bahagian ini membincangkan hubungan antara tahap pelaksanaan ATP berpusatkan murid berasaskan keempat-empat jenis pengajaran berpusatkan murid, iaitu PPB, PH, PA dan PBC dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan tempoh pengalaman mengajar guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ATP berpusatkan murid dalam kalangan guru Bahasa Melayu dengan lokasi sekolah berdasarkan keempat-empat jenis pendekatan pengajaran, kecuali PH. Hal ini menunjukkan bahawa PH yang diamalkan guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengalaman mengajar guru.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian-kajian tempatan terdahulu (seperti Masitah et al. 2011; Mohd Khairuddin & Halimah, 2015; Awanis et al. 2016) yang juga turut mendapati adanya hubungan yang signifikan antara tempoh mengajar guru dengan amalan pengajaran guru. Dapatan ini memperlihatkan tempoh atau pengalaman mengajar guru memainkan peranan utama dalam meningkatkan kualiti amalan pengajaran guru Bahasa Melayu. Malah dapatan

kajian Myrberg et al. (2018) turut mendapati bahawa pencapaian membaca murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengalaman guru. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman guru mempengaruhi tahap efikasi guru dan juga prestasi murid dalam kemahiran berbahasa.

Kesimpulannya, ATP berpusatkan murid merupakan satu amalan amat berharga dan wajib diamalkan oleh guru, khususnya melalui PA dan PH. Hal ini demikian kerana dapatan kajian membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara amalan ini dengan pencapaian murid. Pelaksanaan amalan ini juga penting kerana selaras dengan kehendak Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Selain itu, guru juga digalakkan menggunakan pelbagai teknik pengajaran daripada pelbagai sumber pembelajaran. Guru turut disaran menggunakan kebijaksanaan mereka dalam merancang dan melaksanakan pengajaran sesuai dengan kemampuan murid. Kajian ini menjadi satu titik tolak kepada penambahbaikan mutu PdP di bilik darjah. Kajian Anida et al. (2019a) mendapati bahawa PdP di sekolah perlu melalui fasa pemantapan bagi melahirkan murid yang berdaya fikir.

KESIMPULAN

Analisis kajian menunjukkan bahawa ATP berpusatkan murid perlu dilaksanakan oleh guru tanpa mengira lokasi dan pengalaman mengajar guru. Hal ini demikian kerana kajian ini mendapati bahawa lokasi dan pengalaman guru tidak mempengaruhi secara total terhadap amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di negara ini. Namun, dari aspek jenis pengajaran pula, PH dan PA perlu diberi penekanan kerana kedua-dua pendekatan ini sangat relevan dengan lokasi dan pengalaman guru. Walau bagaimanapun, dapatan kajian semasa dan kajian lalu turut membuktikan bahawa amalan PBM secara umumnya memberi kesan positif terhadap pencapaian murid, khususnya dalam pencapaian berBahasa Melayu.

Kajian ini diharapkan berupaya membantu guru-guru Bahasa Melayu dalam merancang strategi pengajaran, selain dapat menolong Bahagian Pembangunan Kurikulum dan pihak-pihak lain di KPM, terutama pihak yang terlibat dengan penilaian kualiti pengajaran guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Secara tidak langsung, kajian

ini juga dapat menjadi bahan rujukan kepada para penyelidik yang berminat dengan PdP berkesan khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah serta menjadi menjadi kayu ukur dan panduan kepada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu dalam mengamalkan ATP di sekolah, khususnya yang mengajar di sekolah rendah.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Baharom. (2013). The teaching efficacy among trainee teachers in the classroom environment. *ICERI 2013 Proceedings*, pp. 3614-3619.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 1-12.
- Ahmad Hashim (2014). *Panduan Analisis Data Secara Efisien: Panduan Lengkap Berajah untuk Menganalisis Data*. Bangi: DuBook Press.
- Alizah Lambri & Zamri Mahmood (2016). Pendekatan berpusatkan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi membentuk kemahiran insaniah pelajar di universiti awam. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 7: 25-34.
- Ananda Kumar, P. (2007) *SPSS untuk Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Scholar Press.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Zulkifli Osman, Raja Noor Farah Azura Raja Ma'amor Shah & Intan Safinas Mohd Ariff Albakri. (2019a). Menangani kekaburan kemahiran prosedur dan terminologi awal Matematik: Pendekatan leksis berdasarkan Teori Prosodi Semantik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16 (2): 255-294.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Zulkifli Osman, & Intan Safinas Mohd Ariff Albakri. (2019b). Using the Cognitive Research Trust scale to assess the implementation of the elements of higher-order thinking skills in Malay Language teaching and learning. *International Journal of Recent Technology and Engineering*, 8 (2S2): 392-398.
- Awanis Mohd, Ainunmadiyah Mohd Nawawi & Siti Noor Ismail (2016). Tahap efikasi guru dan hubungannya dengan pencapaian sekolah di sekolah-sekolah menengah dalam daerah Bachok. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016) 312-326 ISSN. 2548-6160 International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs> (diakses pada 15 Ogos 2020)
- Coakes, S.J. (2005). *SPSS Version 12.0 for Windows Analysis Without Anguish*. Australia: National Library of Australia
- Creswell, J.W. (2005) *Educational Research: Planing, Conducting and Evaluating Qualitative and Quantitative Apps*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.yusof
- Devita Vuri (2016). Penerapan pendekatan pengalaman berbahasa dalam pembelajaran bahasa di sekolah dasar kelas rendah. *Jurnal Ilmiah Guru COPE*, 1: 24-30.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2006). *How to Design and Evaluate Research in Education*. Virginia: America Management Assosiation.
- Fredrick, E.O. (2011). Influence of sex and location on students' achievement in agricultural science. *African Journal of Science, Technology and Mathematics Education*, 1 (11): 96-101.
- Gilham, P. & Fürstenau, S. (2019). The relationship between teachers' language experience and their inclusion of pupils' home languages in school life. *Language and Education*, 34 (5): 1-15.
- Goldschmidt, M., Scharfenberg, F. & Bogner, F. X. (2015). Instructional efficiency of different discussion approaches in an outreach laboratory: Teacher-guided versus student-centered. *The Journal of Educational Research*, 109 (1): 27-36.
- Gore, J., Lloyd, A., Smith, M., Bowe, J., Ellis, H. & Lubans, D. (2017). Effects of professional development on the quality of teaching: Results from a randomised controlled trial of Quality Teaching Rounds. *Teaching and Teacher Education*, 68: 99-113.

- Heald-Taylor, G. (1989). *Whole Language Strategies for ESL Students*. San Diego, CA: Dormac, Inc.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Anida Sarudin & Khairul Azam (2018). Upaya berBahasa Melayu tinggi dan berbudaya dari sudut morfo-fonetik dan sosiolinguistik dalam kalangan guru pelatih. *Journal of Humanities, Language, Culture & Business Journal*, 2 (8): 153-161.
- Husna Faredza Mohamed Redzwan, Khairul Azam Bahari, Anida Sarudin & Zulkifli Osman (2020). Strategi pengukuran upaya berbahasa menerusi kesantunan berbahasa sebagai indikator profesionalisme guru pelatih berasaskan skala morf fonetik, sosiolinguistik dan sosiopragmatik. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 17 (1): 187-228.
- Iwaniec, J. (2018). The effects of parental education level and school location on language learning motivation, *The Language Learning Journal*, 48 (4): 427-441.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). *Panduan Amalan Baik Pengajaran Moral*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1036-surat-pekeliling-perkhidmatan-kpm-tahun-2014-bil-2/file> (diakses pada 10 September 2020)
- Khoo Yin Yin. (2008). Keberkesanan kaedah penyelesaian masalah secara kolaboratif dalam kalangan pelajar Ekonomi Tingkatan Enam. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Krashen, S.D. & Terrell, T.D. (1983). *The Natural Approach*. Hayward, CA: Alemany Press.
- Taylor, M. (1992). *The Language Experience Approach and Adult Learners*. ESL Resources. https://www.cal.org/caela/esl_resources/digests/LEA.html (diakses pada 21 Julai 2020)
- Masitah Hj. Mohd. Yusof, Azizi Muda, Ahmad Makmom, Bahaman Abu Samah, Ramli Basri, Noriati A. Rashid & Mohamed Khaidir Alias. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi-kendiri guru sekolah menengah di Malaysia dalam pelaksanaan pendidikan alam sekitar. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 12 (2): 91-111.
- McMillan & Schumacher. (2006) *Research in Education: Evidence-Based Inquiry*. Boston: Allyn & Bacon.
- Miler, J.P. (2010). *Whole child Education*. Toronto: University of Toronto Press.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah & Muhammad Akramin Kamarul Zaman. (2018). Pengaruh insentif keimanan terhadap amalan pengajaran guru tahfiz Al-Quran di negeri Perak. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5 (1): 94-105.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, & Muhammad Akramin Kamarul Zaman (2018). Hubungan insentif keimanan dan amalan pengajaran: kajian terhadap guru tahfiz swasta di negeri Perak. *Al-Hikmah*, 10 (1): 79-94.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji. (2015). Analisis perbandingan efikasi pengajaran dalam kalangan guru Bahasa Melayu Tahun Satu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1): 10-17.
- Myrberg, E., Johansson, S. & Rosén, M. (2018). The relation between teacher specialization and student reading achievement. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 63 (5): 744-758.
- Nalova, E.M. (2017). School Type and Mathematics achievement in English-Speaking Primary Schools in Cameroon: Implications for technological development. *American Journal of Educational Research*, 5 (5): 568-573.
- Nor Asniza Ishak, Hazri Jamil, Nordin Abd Razak & Mohamad Zohir Ahmad. (2013). Amalan pedagogi produktif dalam kalangan guru-guru sains sekolah menengah di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 10: 233-269.

- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman & Anida Sarudin. (2020). Pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (1): 1-13.
- Nor Sakinah Mohamad. (2019). Penambahbaikan prestasi melalui pemahaman sistem pengajaran dan pembelajaran ke arah inovasi dan amalan terbaik. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 11 (1): 73-109.
- Norazlinda Saad & Sankaran. (2012). Pembuatan keputusan kolaboratif: Sikap guru dan galakan pengetua. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2012*, 6-9 Oktober 2012, Johor: The Zon Regency Hotel.
- Nurfadzlina & Mohammed Azmi (2012). Keberkesanan Kursus Sijil Kecekapan Kemahiran: Scaffolding Training-Working at Height Practice. *Seminar Penyelidikan dan Inovasi 2012*, Giatmara Bandar Kuching.
- Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Guide. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. NSW, Australia: Allen & Unwin.
- Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Rayens, W. & Ellis, A. (2018). Creating a student-centered learning environment online. *Journal of Statistics Education*, 26 (2): 92-102.
- Rogers. C.R., & Freiberg, H.J. (1994). *Freedom to Learn*. New York: New Maxwell Macmillan.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian. (2012). Amalan pengajaran guru cemerlang Bahasa Melayu masih dibelenggu amalan tradisional: Kajian satu kes pelbagai lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 27: 51-68.
- Sekaran, Uma. (1992) *Research Methods for Business: A Skill Building Approach. 2nd Edition*. New York: John Willey & Sons.
- Shahril @ Charil Marzuki (2004). Amalan pengajaran guru yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Jurnal Pendidikan*, 24: 1-14.
- Siti Fatimah Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran J-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (2): 53-64.
- Slavich, G.M. & Zimbaro, P.G. (2012). Transformational teaching: Theoretical underpinnings, basic principles, and core methods. *Educational Psychology Review*, 24 (4): 569-608.
- Spache, G. & Spache, E. (1964). *Reading in the Elementary School*. New York: Allyn & Bacon.
- Stauffer, R.G. (1965). A language experience approach. In J.A. Kerfoot (Ed.). *First grade reading programs: Perspectives in reading No. 5*. Newark, DE: International Reading Association.
- Talbert, E., Hofkens, T. & Wang, M.T. (2018). Does student-centered instruction engage students differently? The moderation effect of student ethnicity. *The Journal of Educational Research*, 1-15.
- Titus, A.B., Dada, A.B. & Adu, E.O. (2016). School location and gender as correlates of students' academic achievement in economics. *International Journal of Educational Sciences*, 13 (3): 255-261.
- Tompkins, G.E. & Hoskisson, K. (1991). *Language Arts: Content and Teaching Strategies*. New Jersey: Prentice Hall.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2019). Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program Linus di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 1-11.
- Woodard, R. & McGowan, H. (2012). Redesigning a large introductory course to incorporate the GAISE Guidelines North Carolina State University. *Journal of Statistics Education*, 20 (3): 1-24.
- You, C. & Dörnyei, Z. (2016). Language learning motivation in China: results of a large-scale stratified survey. *Applied Linguistics*, 37 (4): 495-519.
- Yun You. (2018). The seeming 'round trip' of learner-centred education: A best practice derived from China's New Curriculum Reform? *Comparative Education*, 55 (1): 97-115.
- Zemelman, S., Daniels, H. & Hyde, A. (2012). *Best Practice Bringing Standard to Life in*

- America's Classroom*. Hanover Street, Portsmouth, NH: Heinemann.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd.Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2015). Amalan pengajaran guru Tilawah Al-Quran: Kajian kes di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1 (1): 77-86.
- Zulkifli Osman. (2013). Belajar bahasa secara holistik: Apakah pandangan murid? *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13 (2): 102-117.
- Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Dahlia Janan, & Ani Omar. (2016). Keberkesanan pendekatan autentik dalam meningkatkan tahap penulisan karangan pelajar. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 7: 142-155.
- Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Dahlia Janan & Ani Omar. (2019a). The teaching of Malay essay writing based on an authentic approach. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering*, 8 (7S2): 175-181.
- Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Abu Hassan Abdul & Razali Ayob. (2019b). Teachers' understanding and the level of implementation of authentic elements in the teaching of Malay language writing and their relationships with school type, teachers' experience, and specialization. *International Journal Academic Research Business and Social Sciences*, 9 (1): 1245-1256.